

# SPKA-IPTA MENGERATKAN JALINAN KEKELUARGAAN DI ANTARA IPTA

Sekretariat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa Institusi Pengajian Tinggi Awam (SPKA-IPTA) telah membuka tirai tahun 2005 dengan mengadakan mesyuaratnya pada 18 Februari 2005 yang lalu bertempat di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia, Kangar, Perlis. Pengerusi SPKA-IPTA, Prof. Datuk Mohd Yusof Kasim dalam ucapan aluananya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan IPTA yang telah bersama-sama berganding bahu, mencetus serta mencanai idea sejak SPKA-IPTA ditubuhkan hampir 2 tahun yang lalu demi untuk meningkatkan citra IPTA Malaysia disamping mempromosi IPTA di peringkat global. Disamping itu juga, sekretariat ini telah berjaya menyatukan 17 buah IPTA di bawah satu bumbung bagi merealisasikan serta membantu pihak Kementerian Pengajian Tinggi dalam mencapai halatuju yang telah digariskan.

Banyak aktiviti yang dirancang telah berjaya dilaksanakan dan dianjurkan oleh sekretariat ini, di antaranya ialah penerbitan sebanyak 12 keluaran Sisipan IPTA "Routes To Excellence" di akhbar New Straits Times, Majlis Mesra Media Bersama Menteri Pengajian Tinggi Malaysia dan "Retreat" Menteri Pengajian Tinggi Malaysia bersama Jawatankuasa



**MESRA...** Prof. Dato' Dr. Kamarudin (tengah) dan Prof. Datuk Mohd Yusof sedang beramah mesra dengan ahli-ahli SPKA-IPTA.

Naib-Naib Canselor/Rektor IPTA serta saling bantu membantu mempromosi IPTA di pameran-pameran luar negara. Prof. Datuk juga berharap agar hubungan kekeluargaan yang telah terjalin ini akan berkekalan dan berterusan agar satu hari nanti sekretariat ini dikenali sehingga ke peringkat antarabangsa. Prof. Dato' Dr. Kamarudin bin Husin, Rektor KUKUM

telah sudi meluangkan masa bertemu dengan semua ahli SPKA-IPTA sejurus mesyuarat selesai dan menjadi hos pada jamuan makan tengahari.

Oleh : Dk. Rozlina Pg. Aliuddin